


TARIKH	AHAD, 1 OKTOBER 2023
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	'BATWOMAN' TEMUI 20 VARIAN BAHARU KORONAVIRUS PADA KELAWAR
M/S	36
BIDANG	SCIENCE AND TECHNOLOGY
KATA KUNCI	RESEARCH, CORONAVIRUS

'Batwoman' temui 20 varian baharu koronavirus pada kelawar



ZHENGLI dan pasukannya tekad menjalankan kajian untuk memberi amaran awal kepada manusia. - JULIA KOBLITZ/ UNSPLASH

BEIJING - Satu kajian diketuai pakar virus diberi julukan 'Batwoman' menemui lebih 20 varian koronavirus pada kelawar dengan kesemuanya berisiko tinggi menjangkiti manusia, lapor laman berita *Thai*ger.

Pengarah Pusat Penyakit Berjangkit Institut Virologi Wuhan di China, Dr. Shi Zhengli mendedahkan penemuan yang menggerunkan komuniti saintifik itu selepas pasukannya melakukan kajian rapi terhadap koronavirus.

Mereka mendedahkan bahawa strain baharu koronavirus berisiko mencetuskan pandemik di masa hadapan. Kajian itu diterbitkan dalam sebuah jurnal

perubatan pada Jun lalu.

Sesetengah pakar perubatan menyifatkan kajian tersebut sebagai kamus koronavirus yang mampu membantu meramal dan mengekang kewujudan wabak masa hadapan.

Namun, pengkritik-pengkritik mendakwa bahawa peningkatan interaksi manusia dan hidupan liar untuk mengesan virus akan meningkatkan lagi risiko wabak penyakit global.

Sejak Covid-19 menular ke seluruh dunia, Zhengli berdepan kritikan kerana makmalnya di Institut Virologi Wuhan adalah lokasi penyelidikan koronavirus. Walaupun koronavirus yang

menular didakwa berasal dari makmalnya, Zhengli secara konsisten menegaskan bahawa dia tidak bersalah.

Pemerintah China bagaimanapun terus memberikan sokongan kepada penyelidikan Zhengli yang memberi tumpuan kepada potensi penularan virus daripada haiwan kepada manusia.

"Kami ingin memberikan amaran awal untuk sebarang potensi jangkitan daripada haiwan kepada manusia," katanya.

Kajian dilakukan oleh Zhengli dan pasukannya telah mengisi jurang penting dalam usaha berterusan menangani penyakit berjangkit. - AGENSI

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM